

PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN & KATA-KATA INTEGRITI UNTUK KEGUNAAN MESYUARAT FSPPP UiTM

PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

“Sebagai Pengerusi dan dalam kapasiti saya sebagai ahli **Mesyuarat XXXX** membuat pengisytiharan seperti berikut :”

1. Bertanggungjawab untuk mengisytiharkan, apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan diri saya sama ada secara langsung atau secara tidak langsung di dalam apa jua perkara yang dibincangkan di dalam sidang **Mesyuarat XXXX**.
2. Tidak akan melibatkan diri di dalam sidang **Mesyuarat XXXX** ataupun jawatankuasa di bawahnya yang melibatkan apa-apa perkara di mana saya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung;
3. Mengutamakan dan menjaga tanggungjawab kerahsiaan di bawah seksyen 33 Akta Universiti Teknologi MARA 1973 dan tidak akan memberitahu atau membuat apa-apa kenyataan mengenai apa jua maklumat yang diterima sebagai ahli **Mesyuarat XXXX** tanpa terdahulu meminta kebenaran bertulis daripada pihak UiTM.

KATA-KATA INTEGRITI

Contoh 1:

Integriti adalah nilai yang bermula dari diri seseorang. Seseorang yang berintegriti akan terus melakukan perkara yang baik walaupun tiada sesiapa yang melihat.

Menjadi kewajipan kita sebagai warga UiTM untuk menunjukkan nilai diri yang berintegriti selaras dengan semangat UiTM Di Hatiku.

Contoh 2:

Amanah merupakan salah satu nilai yang perlu ada dalam diri warga UiTM. Antara ciri-ciri amanah termasuk adil, jujur, bertanggungjawab, menjaga kerahsiaan, serta menjaga harta dan kepentingan universiti dalam menjalankan tugas.

Semua staf telah menandatangani Surat Aku Janji dimana antara perkara yang diikrar adalah

"Saya akan sentiasa melaksanakan tugas dengan cermat, bersungguh-sungguh, cekap, jujur, amanah dan bertanggungjawab"

Jadi, mari kita sama-sama menunjukkan kesungguhan kita dalam menjalankan amanah sebagai warga UiTM tidak kira apa jua jawatan dan kedudukan kita. Semua orang ada amanah yang perlu dilaksanakan sebaiknya.

Contoh 3:

Warga UiTM disarankan untuk sentiasa menghargai masa dalam urusan seharian. Antara ciri-ciri menghargai masa termasuk merancang, menyegerakan tugas dan mengambilkira keutamaannya. Namun begitu, dalam usaha mempercepatkan tugas, nilai integriti perlu diutamakan.

Contoh 4:

Kejayaan sesebuah jabatan / Fakulti / Cawangan merupakan kejayaan setiap staf dan pelajar. Semangat kerjasama yang jitu perlu dipertingkatkan bagi memastikan segala perancangan dan usaha mendapat kejayaan. Antara ciri-ciri bekerjasama termasuk bantu-membantu, kerja berpasukan, toleransi, saling melengkapi, dan berfikiran terbuka dalam melaksanakan tugas.

Contoh 5:

"Dan (ingatlah juga), takala Tuhanmu memaklumkan: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah ni'mat kepadamu dan jika kamu mengingkari (ni'mat-Ku), maka sesungguhnya azabKu sangat pedih". (Surah Ibrahim: 7).

"Hai orang-orang yang beriman, mengapa kamu berkata apa yang tidak kamu kerjakan? Besar kemurkaan dan kebencian di sisi Allah lantaran kamu berkata apa yang kamu tidak kerjakan". (Surah As-Saff: 2-3)

Contoh 6:

" ... Individu yang berintegriti akan tetap mematuhi peraturan, kerana takrif integriti memerlukan individu bertindak laku berdasarkan prinsip moral dan nilai etika, tanpa mengambil kira, sama ada dilihat ataupun tidak. Justeru, untuk menjadi manusia yang berintegriti memerlukan seseorang individu itu menjadi manusia bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan ... "

-Dr Abu Yazid Abu Bakar, Berita Harian, Terap budaya integriti dalam kehidupan
31.10.2016

Contoh 7:

" ... Mungkin ada yang ada di antara saudara dan saudari yang bertanya kewajarannya berintegriti dalam dunia pembinaan? Mungkin ada di kalangan saudara saudari yang berpendapat dalam dunia pembinaan dengan saingan yang sengit tindakan tidak berprinsip dikira sah untuk bersaing dan sebagai ikhtiar untuk terus hidup.

Saudara-saudari semua mungkin tidak berurusan secara langsung dengan rakyat. Tetapi saudara-saudari semua bertanggungjawab menyediakan kemudahan untuk rakyat. Apa yang saudara-saudari bina dan sediakan digunapakai secara terus oleh rakyat. Apabila kerajaan memberikan tanggungjawab kepada saudara saudari untuk menyediakan apa juga kemudahan kepada rakyat, maka ia turut menuntut saudara-saudari semua melaksanakan dengan penuh integriti supaya ia memenuhi setiap spesifikasi yang ditetapkan tanpa mengorbankan mana-mana aspek demi mengejar keuntungan ... "

YB. Dato Ir. Mohd Zin B Mohamed, Mantan Menteri Kerja Raya, 1.7.2008